



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

USAHA KERAJAAN DALAM MEMBANTU INDUSTRI KREATIF DIPERGIATKAN LAGI SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Kerajaan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sentiasa meneliti pelaksanaan dasar-dasar & program-program kerajaan untuk membantu sektor-sektor industri kreatif supaya terus berkembang dan membangun. KKMM amat mengambil berat terhadap nasib mereka yang terkesan dari segi ekonomi berikutan wabak COVID-19 yang melanda. Pelbagai usaha sedang dilaksanakan untuk memastikan penggiat dan karyawan seni kreatif tempatan mampu menjana pendapatan dan menjaga kebajikan mereka.

Sebagai langkah awal, saya telah bertemu wakil-wakil persatuan-persatuan karyawan seni dan kreatif tempatan pada 26 Mac 2020 melalui sidang video bagi mendengar dan memahami masalah yang dihadapi serta cadangan penyelesaian. Saya juga telah membawa suara mereka ke mesyuarat Jemaah Menteri untuk mencari jalan bagi menyelesaikan masalah-masalah mereka.

Bagi meringankan beban yang ditanggung, suntikan dana tambahan telah disalurkan kepada persatuan-persatuan yang dikenali pasti. Peruntukan ini adalah bagi membantu penggiat seni kelainan upaya, warga emas serta mereka yang terlantar sakit dan memerlukan bantuan perubatan.

KKMM juga akan memastikan lebih banyak peluang pekerjaan dan kandungan kreatif dapat dihasilkan melalui Dana Kandungan Digital (DKD) melalui agensi-agensi KKMM seperti Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), dan Malaysia

Digital Economy Corporation (MDEC). Bagi mencapai matlamat tersebut dan menggalakkan lebih banyak permohonan, FINAS dan MDEC telah melanjutkan tarikh tutup permohonan DKD tahun ini pada 15 Mei 2020.

KKMM turut akan menetapkan semula tarikh tayangan filem yang terjejas akibat Covid19. Saya akan mengarahkan Jawatankuasa Skim Wajib Tayang FINAS mengadakan perbincangan bersama pihak pawagam dan mengumumkan mekanisma penentuan cadangan tayangan semula ini dengan segera.

Bagi memacu semula pelaburan dalam sektor profileman, Insentif Penggambaran Filem di Malaysia (Filming in Malaysia Incentive- FIMI) telah di tambah baik. Kerajaan telah menurunkan kadar Kelayakan Perbelanjaan Produksi dalam Malaysia (Qualifying Malaysian Production Expenditure – QMPE) bagi penerbit tempatan kepada RM1.5 juta.

Di samping itu, Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Bahagian Pembangunan Kandungan (BPK) telah melancarkan program ‘Nyanyi dari Rumah’ dan ‘Muzik dari Rumah’ bagi membantu para penyanyi termasuk buskers yang tidak dapat menjana pendapatan akibat pembatalan program-program berkaitan.

KKMM turut menerima banyak permohonan dan cadangan untuk membenarkan sesi penggambaran dilakukan dan seterusnya membenarkan karyawan seni untuk keluar bekerja. Walaupun terdapat perkembangan positif dalam usaha negara memerangi Covid19, keadaan masih belum 100% pulih. Nyawa dan keselamatan semua rakyat Malaysia harus diberi keutamaan. Saya akan membincangkan perkara ini dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara(MKN).

Saya juga mengalu-alukan cadangan dan pandangan yang berasas daripada semua pihak untuk kita bersama-sama membantu industri tempatan kita.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
13 APRIL 2020